



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 6 NOVEMBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	<b>PERTANIAN MODEN : PENGLIBATAN BELIA PENTING SEIRING TEKNOLOGI TERKINI, BERITA WILAYAH- RTM1</b>	<b>KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDSUTRI MAKANAN (MAFI)</b>
2.	<b>PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, UTUSAN BORNEO.COM-ONLINE</b>	
3.	<b>PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, MALAYSIAN NEWS PORTAL-ONLINE</b>	
4.	<b>BELIA BANTU 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, BH-ONLINE</b>	
5.	<b>PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, HM-ONLINE</b>	
6.	<b>HANYA 15 PERATUS BELIA TERLIBAT DALAM PERTANIAN, UTUSAN.COM-ONLINE</b>	
7.	<b>MAFI FOKUS PENGLIBATAN BELIA DALAM PERTANIAN MODEN, BERITA RTM-ONLINE</b>	
8.	<b>PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN, BERNAMA NEWS-ONLINE</b>	
9.	<b>PROGRAM REZEKI TANI DIJENAMAKAN SEMULA DARIPADA PROGRAM AZAM TANI,RTM 1- BERITA WILAYAH</b>	
10.	<b>PENTERNAK AKUAKULTUR PERLU BERSEEDIA HADAPI MUSIM TENGGUJUH, SH-ONLINE</b>	<b>JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)</b>
11.	<b>SAYURAN FERTIGASI, HIDROPONIK TAMPUNG PERMINTAAN MUSIM TENGGUJUH, GENERAL NEWS, UTUSAN BORNEO SABAH-5</b>	<b>LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)</b>
12.	<b>FAMA WUJUD 7 LOKASI PROGRAM MYRAKYAT, NASIONAL, BH-23</b>	
13.	<b>JUALAN MYRAKYAT DI NEGERI SEMBILAN RM124,163.59 DALAM TEMPOH LAPAN BULAN - FAMA, NASIONAL,SH-26</b>	
14.	<b>FAMA WUJUDKAN LOKASI MYRAKYAT KETUJUH, HM-ONLINE</b>	
15.	<b>MYRAKYAT: FAMA REKOD JUALAN RM124,163.59 DALAM MASA LAPAN BULAN, SH-ONLINE</b>	
16.	<b>FAMA WUJUDKAN TUJUH LOKASI MYRAKYAT, BH-ONLINE</b>	
17.	<b>"HOUSE OF HONEY" FAMA KEDAH WUJUDKAN PUSAT SEHENTI, BERITA WILAYAH-RTM 1</b>	
18.	<b>JUALAN MYRAKYAT FAMA KUTIP RM124,163 SETAKAT 31 OKTOBER, BERITA NASIONAL-RTM 1</b>	
19.	<b>SAYURAN FERTIGASI, HIDROPONIK TAMPUNG PERMINTAAN PADA MUSIM TENGGUJUH, BERNAMA NEWS-ONLINE</b>	
20.	<b>KELANTAN BELANJA RM1.3 JUTA BANTU PETANI, PENTERNAK, NELAYAN, SH-ONLINE</b>	
21.	<b>KELANTAN JAMIN SUMBER MAKANAN UNTUK MUSIM TENGGUJUH CUKUP, SH-ONLINE</b>	
22.	<b>MADA YAKIN STRATEGI DAN 2.0, SH-ONLINE</b>	<b>LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)</b>
23.	<b>MAKMUR AGRO BAKAL LANCAR KOTA TANI DI SELURUH NEGARA, ASTROAWANI.COM-ONLINE</b>	<b>LAIN - LAIN</b>
24.	<b>JERAM PERAHU 'SYURGA' BURU KELAH, UTUSAN.COM-ONLINE</b>	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	RTM 1	BERITA WILAYAH	

## PERTANIAN MODEN : PENGLIBATAN BELIA PENTING SEIRING TEKNOLOGI TERKINI



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	UTUSAN BORNEO.COM	ONLINE	

## PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



*Gambar hiasan Bernama*

**ARAU:** Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti internet benda (IOT), pertanian persis dan pertanian pintar.

“Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan, di masa akan datang,” katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata setakat ini, daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

Haslina berkata sehingga kini, kementeriannya telah berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu, sejak 2016.

“Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timbalah ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi,” katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula beliau berkata program itu diadakan untuk membantu usahawan-usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah kementeriannya, bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

“Program ini juga bertujuan untuk memberi persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasar, agar mereka boleh menjana pendapatan yang tinggi,” katanya.

Haslina berkata pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian. - BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	MALAYSIAN NEWS PORTAL	ONLINE	

## PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



**ARAU, 6 Nov** — Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti internet benda (IOT), pertanian persis dan pertanian pintar.

"Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan, di masa akan datang," katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata setakat ini, daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

Haslina berkata sehingga kini, kementerianya telah berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu, sejak 2016.

"Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timbalah ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi," katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula beliau berkata program itu diadakan untuk membantu usahawan-usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah kementeriannya, bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

“Program ini juga bertujuan untuk memberi persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasaran, agar mereka boleh menjana pendapatan yang tinggi,” katanya.

Haslina berkata pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

— BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## BELIA BANTU 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



*Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid*

**ARAU:** Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi pembabitan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden seperti internet benda (IOT), pertanian persis dan pertanian pintar.

"Pembabitan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan dan meningkatkan bekalan makanan dalam negara, sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan di masa depan," katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata, setakat ini, hanya 15 peratus daripada 14.6 juta belia di negara ini terbabit dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan empat peratus pelajar di universiti mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata, kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda termasuk melalui Program Agropreneur Muda, bertujuan menggalakkan pembabitan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

"Sehingga kini, kementerian berjaya membantu 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu sejak 2016.

"Jadi rebutlah peluang yang disediakan, timba ilmu supaya kita berjaya dalam setiap projek dan perniagaan diceburi," katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula, beliau berkata, program itu diadakan untuk membantu usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah MAFI bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

"Program ini juga bagi memberi persediaan ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasar, supaya mereka boleh menjana pendapatan tinggi," katanya.

Haslina berkata, pihaknya sentiasa berusaha mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian. – BERNAMA



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



*GAMBAR hiasan. FOTO arkib NSTP*

**Arau:** Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi pertanian moden seperti internet benda (IoT), pertanian persis dan pertanian pintar.

"Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan, di masa akan datang," katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata, setakat ini, daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata, kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

Haslina berkata, sehingga kini, kementeriannya membantu 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu, sejak 2016.

"Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timbalah ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi," katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula beliau berkata program itu diadakan untuk membantu usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah kementeriannya, bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

"Program ini juga bertujuan untuk memberi persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasaran, agar mereka boleh menjana pendapatan yang tinggi," katanya.

Haslina berkata, pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

## HANYA 15 PERATUS BELIA TERLIBAT DALAM PERTANIAN



*HASLINA Abdul Hamid (tengah) menyampaikan replika cek kepada salah seorang wakil penerima geran program Agropreneur Muda peringkat negeri Perlis di dewan serbaguna kampus Unimap Kubang Gajah, Arau, Perlis, hari ini.*

**ARAU:** Sekitar 15 peratus daripada 1.4 juta belia di negara ini terlibat dalam bidang pertanian, sekaligus memberi gambaran golongan muda masih kurang berminat dalam sektor tersebut.

Justeru, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan sedang berusaha meremajakan sektor pertanian dan menggalakkan penglibatan lebih ramai golongan belia dalam bidang berkenaan.

Ketua Setiausahaanya, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, kajian turut menunjukkan hanya sekitar empat peratus sahaja pelajar di universiti yang akan mempertimbangkan kerjaya mereka dalam bidang pertanian.

“Kesemua data ini menunjukkan persepsi para belia kepada sektor pertanian dan ia perlu diperbaiki,” katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro peringkat negeri Perlis, di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob dan Naib Canselor Universiti Malaysia Perlis (Unimap), Prof. Dr. Zaliman Sauli.

Pada program sama, Haslina turut menyampaikan replika cek geran Program Agropreneur Muda 2021 kepada wakil 39 agropreneur muda Perlis bernilai RM780,000.

Seramai 266 usahawan tani di negeri ini dibantu menerusi geran sama berjumlah RM4.51 juta sejak 2016.

Sebagai rekod, sejak 2016, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda seluruh negara dengan nilai RM134.29 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan Agropreneur Muda sejak tahun 2016.

Tambah Haslina, pelbagai program telah dirangka menerusi Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) dan bakal dilaksanakan bagi menarik golongan belia berusia 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian.

Katanya, langkah-langkah meremajakan sektor pertanian perlu diperkasakan dengan menggalakkan penglibatan golongan muda, mengaplikasikan teknologi pertanian moden dan mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertanian.


“Golongan muda juga dikenalpasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti Internet Of Thing, ‘precision farming’ dan pertanian pintar.

“Penglibatan golongan muda ini dapat meningkatkan jaminan bekalan dalam negara dan mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan di masa akan datang,” katanya. –  
UTUSAN



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	BERITA RTM	ONLINE	

## MAFI FOKUS PENGLIBATAN BELIA DALAM PERTANIAN MODEN



**ARAU, 6 November** - Usaha bagi meningkatkan penglibatan golongan belia dalam bidang pertanian antara fokus utama di bawah Dasar Agromakanan Negara 2021-2030.

Ini berikutan jumlah penyertaan mereka dalam bidang pertanian masih rendah iaitu hanya 15 peratus berbanding jumlah keseluruhan belia ketika ini 14.6 juta orang.

Penglibatan belia penting kerana golongan itu dikenal pasti sebagai kelompok utama yang mampu mengaplikasikan teknologi-teknologi pertanian moden, pertanian persis dan pertanian pintar.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid berkata penyertaan belia juga mampu meningkatkan jaminan bekalan makanan dalam negara serta mengurangkan kebergantungan terhadap import makanan.

Katanya kerajaan kini memberikan fokus melalui Program Agropreneur Muda dalam menggalakkan penglibatan golongan muda berusia 18 tahun hingga 40 tahun.

Sejak 2016 hingga kini, kementerian telah berjaya membantu seramai 7,528 orang dengan peruntukan RM134.29 juta melalui Geran dan Pembiayaan Agropreneur Muda.

Beliau menyatakannya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro Negeri Perlis di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) Kampus Kubang Gajah, Arau.

Klinik Usahawan Agro dilaksanakan bagi membantu usahawan-usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah MAFI menceburi diri dalam bidang pertanian.

Bersempena program ini, seramai 39 Agropreneur Muda Negeri Perlis turut menerima bantuan Geran Agropreneur Muda berjumlah RM780 ribu.

Ia menjadikan keseluruhan sebanyak 266 peserta agropreneur muda negeri ini menerima geran berkenaan sejak 2016 dengan keseluruhan berjumlah RM4.51 juta.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## PENGLIBATAN BELIA PENTING UNTUK 'REMAJAKAN' SEKTOR PERTANIAN



**ARAU, 6 Nov** -- Persepsi golongan belia terhadap bidang pertanian perlu terus diperbaiki bagi meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam bidang itu, sekali gus berupaya untuk 'meremajakan' sektor berkenaan.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) Datuk Haslina Abdul Hamid berkata berdasarkan kajian, golongan muda dikenal pasti sebagai kelompok utama yang cenderung atau terbuka menerima teknologi-teknologi pertanian moden seperti internet benda (IOT), pertanian persis dan pertanian pintar.

"Penglibatan mereka dalam bidang pertanian juga boleh mengurangkan pengangguran, mengatasi kemiskinan, serta meningkatkan bekalan makanan dalam negara sekali gus dapat mengurangkan kebergantungan kita kepada import makanan, di masa akan datang," katanya selepas merasmikan Klinik Usahawan Agro di sini, hari ini.

Haslina berkata setakat ini, daripada 14.6 juta belia di negara ini, hanya 15 peratus yang terlibat dalam bidang pertanian, manakala kajian menunjukkan hanya empat peratus pelajar di universiti yang mempertimbangkan kerjaya dalam bidang itu.

Beliau berkata kementerian memberikan fokus khusus kepada golongan muda antaranya melalui Program Agropreneur Muda yang bertujuan menggalakkan penglibatan individu berumur 18 hingga 40 tahun menceburi bidang pertanian, merentasi semua sub-sektor agromakanan.

Haslina berkata sehingga kini, kementeriannya telah berjaya membantu seramai 7,528 orang agropreneur muda dengan peruntukan lebih RM134 juta melalui kelulusan geran dan pembiayaan di bawah program itu, sejak 2016.

“Jadi rebutlah peluang yang telah disediakan, timbalah ilmu agar kita berjaya di dalam setiap projek dan perniagaan yang kita ceburi,” katanya.

Mengenai Klinik Usahawan Agro pula beliau berkata program itu diadakan untuk membantu usahawan-usahawan muda melalui jabatan dan agensi di bawah kementeriannya, bagi menggalakkan golongan belia menceburi bidang pertanian.

“Program ini juga bertujuan untuk memberi persediaan dari segi ilmu pengetahuan berkaitan projek pertanian dan industri makanan yang ingin diceburi kepada kumpulan sasar, agar mereka boleh menjana pendapatan yang tinggi,” katanya.

Haslina berkata pihaknya juga sentiasa berusaha untuk mengukuhkan penyelidikan dan pembangunan (R&D), bagi meningkatkan produktiviti sektor pertanian.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	RTM 1	BERITA WILAYAH	

**PROGRAM REZEKI TANI DIJENAMAKAN SEMULA DARIPADA PROGRAM AZAM TANI**



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## PENTERNAK AKUAKULTUR PERLU BERSEDIA HADAPI MUSIM TENGGUJUH



*Penternak akuakultur di Pahang diminta membuat persiapan awal bagi mengelak sebarang kemungkinan. (Gambar: Ihsan Jabatan Perikanan Pahang), gambar kecil: Abdullah*

**KUANTAN** - Penternak akuakultur di seluruh Pahang dinasihatkan supaya membuat persiapan awal bagi menghadapi musim tengkujuh.

Pengarah Jabatan Perikanan Pahang, Abdullah Jaafar berkata, ini bagi mengelak sebarang kerugian, sekiranya berlakunya peningkatan air sungai disebabkan banjir.

Menurutnya, antara langkah perlu diambil penternak dengan menjual ikan yang sudah mencapai saiz pasaran dan mengosongkan sangkar.

"Kita minta penternak memantau projek ternakan mereka dengan lebih kerap agar tindakan segera boleh diambil sekiranya berlaku kejadian tidak diingini.

"Penternak juga perlu memeriksa struktur binaan sangkar termasuk ikatan, bagi mengelak dihanyutkan arus deras air sungai terutama apabila banjir besar berlaku.

"Kalau boleh kita minta, penternak mengikat sangkar menggunakan kabel dan tali berkualiti tinggi yang tidak mudah putus. Ikat pada pokok besar di tepi sungai," katanya ketika dihubungi pada Jumaat.

Beliau juga meminta agar penternak sentiasa berhubung dengan Pejabat Perikanan Daerah bagi mendapatkan khidmat nasihat dan maklumat mengetahui situasi semasa.

Jelasnya, mereka juga perlu memantau jadual keadaan cuaca yang dikeluarkan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia).

"Pemantauan jadual keadaan cuaca ini penting bagi memastikan penternak bersedia dengan sebarang kemungkinan," ujarnya.

Dalam pada itu, beliau berkata, nelayan pantai tidak digalakkan untuk turun ke laut sepanjang musim tengkujuh.

"Dalam keadaan cuaca yang tidak menentu sepanjang musim tengkujuh ini boleh mendatangkan bahaya terutama kepada nelayan pantai yang menggunakan bot bersaiz kecil," katanya.



06 NOV, 2021

## Sayuran fertigasi, hidroponik tampung permintaan musim tengkujuh

Utusan Borneo Sabah, Malaysia

Page 1 of 2

### Sayuran fertigasi, hidroponik tampung permintaan musim tengkujuh

**KOTA BHARU:** Bekalan sayuran di Kelantan dijangka tidak terjejas dalam tempoh musim tengkujuh berikutan terdapat petani mengusahakan sayuran secara fertigasi dan hidroponik selain penanaman kaedah konvensional.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, jaminan itu diberikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Kita tidak bimbang (bekalan terjejas) kerana persediaan sudah dibuat seperti bekalan sayuran yang diusahakan menerusi kaedah fertigasi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program My Best Buy (MBB) anjuran FAMA di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini semalam.

Turut hadir Pengarah FAMA Kelantan Wan Nora Wan Ahmad.

Sementara itu, Wan Nora berkata pihaknya menyasarkan 4,000 hingga 6,000 pengunjung sehari menerusi pelancaran semula program MBB itu yang bermula semalam hingga Ahad ini.

"Selain penduduk tempatan, program ini turut memberi fokus kepada anak Kelantan di perantauan yang pulang ke kampung untuk datang membeli-belah produk dijual peserta yang terdiri daripada pengeluar produk industri asas tani tempatan," katanya. — Bernama





06 NOV, 2021

## Sayuran fertigasi, hidroponik tampung permintaan musim tengkujuh

[Utusan Borneo Sabah, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

KOTA BHARU: Bekalan sayuran di Kelantan dijangka tidak terjejas dalam tempoh musim tengkujuh berikutan terdapat petani mengusahakan sayuran secara fertigasi dan hidroponik selain penanaman kaedah konvensional. Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, jaminan itu diberikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).



06 NOV, 2021

## FAMA wujud 7 lokasi program MyRakyat

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

# FAMA wujud 7 lokasi program MyRakyat

**Jelebu:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan tujuh lokasi program MyRakyat di negeri ini, tahun ini.

Ia membabitkan lokasi di Tapak Pasar Tani Tampin, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Port Dickson, Flat Uda Ampangan, Seremban; Dewan Orang Ramai Chengkau, Rembau; Pasar Tani Kekal Jempol dan Desa Permai Juasseh, Kuala Pilah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, berkata MyRakyat Pekarangan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang adalah lokasi ketujuh diwujudkan FAMA.

Katanya, seramai 287 usahawan bimbangan FAMA terbahit dalam program MyRakyat dengan pelbagai jualan seperti ayam, daging, ikan, sayur, telur, produk makanan dan barangan kering.

"MyRakyat di Medan GBBS Port Dickson paling kerap diadakan setakat ini iaitu sebanyak tujuh kali membabitkan penyertaan 137 usahawan.

"Bagi enam lokasi MyRakyat,

sebanyak RM124,163.59 hasil jualan diraih usahawan sehingga 31 Oktober lalu," katanya ditemui selepas melancarkan Program MyRakyat @ Perkarangan Pusat Khidmat DUN Klawang di sini, semalam.

Hadir sama Pengawai Daerah Jelebu, Abdul Rahim A Aziz dan Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Khidmat Pengurusan) FAMA Negeri Sembilan, Adriana Aziz.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, menerusi MyRakyat pengguna memperoleh barang keperluan dan produk segar secara terus daripada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

Sementara itu, program pertama kali diadakan di pekarangan Pusat Khidmat DUN Klawang disertai 16 usahawan dengan hasil jualan berjumlah RM20,419.

Sebanyak 500 kilogram ayam dengan harga lebih murah iaitu RM7 sekilogram habis dijual kepada orang ramai.

Turut mendapat sambutan, daging lembu apabila dijual pada harga RM33 sekilogram berbanding harga asal RM38.



06 NOV, 2021

## FAMA wujud 7 lokasi program MyRakyat

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

### SUMMARIES

Jejebu: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan tujuh lokasi program MyRakyat di negeri ini, tahun ini. Ia membabitkan lokasi di Tapak Pasar Tani Tampin, Me - dan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Port Dickson, Flat Uda Ampangan, Seremban; Dewan Orang Ramai Chengkau, Rembau; Pasar Tani Kekal Jempol dan Desa Permai Juasseh, Kuala Pilah.



06 NOV, 2021

## Jualan MyRakyat di Negeri Sembilan RM124,163.59 dalam tempoh lapan bulan - FAMA

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

### Jualan MyRakyat di Negeri Sembilan RM124,163.59 dalam tempoh lapan bulan - FAMA



Bakri (tiga dari kanan) ketika meninjau program MyRakyat di Kuala Klawang, Jelebu pada Jumaat.

**JELEBU** - Sebanyak RM124,163 nilai jualan berjaya dihasilkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan menerusi jualan MyRakyat dalam tempoh

lapan bulan pertama tahun ini. Exco Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Bakri Sawir berkata, ia melibatkan penyertaan 263 usahawan di enam lokasi berbeza di seluruh negeri

tersebut.

"Jumlah bilangan pengunjung melalui program ini yang dilaksanakan sejak bulan Mac hingga Oktober lalu adalah seramai 4,869 orang.

"Ja membabitkan kekerapan program sebanyak 14 kali iaitu tiga program di Tampin, tujuh di Port Dickson dan masing-masing satu program di Seremban, Rembau dan Jempol," katanya kepada pemberita selepas selesai Program MyRakyat di pekarangan pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang pada

Jumaat.

Menurutnya, pengguna memperoleh barang keperluan dan produk segar secara terus daripada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

"Bagaimanapun fungsi tersebut diambil alih oleh FAMA tanpa mengambil sebarang keuntungan iaitu dengan hanya menjadi penghubung.

"Pada masa sama MyRakyat dapat membuka ruang pasaran lebih luas untuk usahawan-usahawan memasarkan hasil pertanian serta produk makanan secara terus ke premis, pejabat,

kawasan perumahan atau tempat tumpuan dengan produk yang dijamin berkualiti serta selamat untuk dimakan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, FAMA Negeri Sembilan menyasarkan 300 pengunjung dan menganggarkan nilai jualan berjumlah RM12,000 pada Program MyRakyat di Jelebu.

"Saya yakin semua usahawan dapat meningkatkan kecukupan pemasaran hasil pertanian secara bergerak, bersifat komersial dan lebih sistematik," katanya.



06 NOV, 2021

## Jualan MyRakyat di Negeri Sembilan RM124,163.59 dalam tempoh lapan bulan - FAMA

[Sinar Harian, Malaysia](#)

Page 2 of 2

### SUMMARIES

**JELEBU** - Sebanyak RM124,163 nilai jualan berjaya dihasilkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan menerusi jualan MyRakyat dalam tempoh

lapan bulan pertama tahun ini. Exco Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Bakri Sawir berkata, ia melibatkan penyertaan 263 usahawan di enam lokasi berbeza di seluruh negeri

tersebut. "Jumlah bilangan pengunjung melalui program ini yang dilaksanakan sejak bulan Mac hingga Oktober lalu adalah seramai 4,869 orang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	HARIAN METRO	ONLINE	

## FAMA WUJUDKAN LOKASI MYRAKYAT KETUJUH



**BAKRI (kiri) meninjau gerai jualan MyRakyat. FOTO Abnor Hamizam Abd Manap**

**Jelebu:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA ) melancarkan program MyRakyat di Perkarangan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, hari ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, MyRakyat itu adalah lokasi ketujuh diwujudkan FAMA di negeri ini, tahun ini.

Lokasi lain termasuk Tapak Pasar Tani Tampin, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Port Dickson dan Flat Uda Ampangan di Seremban; Dewan Orang Ramai Chengkau, Rembau; serta Pasar Tani Kekal Jempol dan Desa Permai Juasseh, Kuala Pilah.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, menerusi MyRakyat pengguna memperoleh barang keperluan dan produk segar secara terus daripada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

Katanya, 287 usahawan bimbangan FAMA terbabit dalam program MyRakyat dengan pelbagai jualan seperti ayam, daging, ikan, sayur, telur, produk makanan dan barangan kering.

"My Rakyat di Medan GBBS Port Dickson paling kerap diadakan setakat ini iaitu sebanyak tujuh kali membabitkan penyertaan 137 usahawan.

"Bagi enam lokasi My Rakyat sebanyak RM124,163.59 hasil jualan diraih usahawan sehingga 31 Oktober lalu," katanya selepas melancarkan Program My Rakyat @ Perkarangan Pusat Khidmat DUN Klawang di sini, hari ini.

Hadir sama Pengawai Daerah Jelebu, Abdul Rahim Aziz dan Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Khidmat Pengurusan) FAMA Negeri Sembilan, Adriana Aziz.

Program di Perkarangan Pusat Khidmat DUN Klawang itu disertai 16 usahawan dengan hasil jualan berjumlah RM20,419.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MYRAKYAT: FAMA REKOD JUALAN RM124,163.59 DALAM MASA LAPAN BULAN



Bakri (tiga kanan) ketika meninjau sekitar program MyRakyat di Kuala Klawang, Jelevu pada Jumaat.

**JELEBU** - Sebanyak RM124,163.59 nilai jualan berjaya dihasilkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Negeri Sembilan menerusi jualan MyRakyat untuk lapan bulan pertama tahun ini.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir berkata, ia melibatkan penyertaan 263 usahawan di enam lokasi berbeza di seluruh negeri tersebut.

"Jumlah bilangan pengunjung melalui program ini yang dilaksanakan sejak bulan Mac hingga Oktober lalu adalah seramai 4,869 orang.

"Ia membabitkan kekerapan program sebanyak 14 kali iaitu tiga program di Tampin, tujuh di Port Dickson dan masing-masing satu program di Seremban, Rembau dan Jempol," katanya kepada pemberita selepas selesai Program MyRakyat di pekarangan pusat khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang, pada Jumaat.

Menurutnya, pengguna memperoleh barang keperluan dan produk segar secara terus daripada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

"Bagaimanapun fungsi tersebut diambil alih oleh FAMA tanpa mengambil sebarang keuntungan iaitu dengan hanya menjadi penghubung.

"Pada masa sama MyRakyat dapat membuka ruang pasaran lebih luas untuk usahawan-usahawan memasarkan hasil pertanian serta produk makanan secara terus ke premis, pejabat, kawasan perumahan atau tempat tumpuan dengan produk yang dijamin berkualiti serta selamat untuk dimakan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, FAMA Negeri Sembilan menyasarkan 300 pengunjung dan menganggarkan nilai jualan berjumlah RM12,000 pada Program MyRakyat di Jelevu.

"Saya yakin semua usahawan dapat meningkatkan kecekapan pemasaran hasil pertanian secara bergerak, bersifat komersial dan lebih sistematik," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

## FAMA WUJUDKAN TUJUH LOKASI MYRAKYAT



*Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir (tengah) ketika meninjau gerai jualan MyRakyat di Pekarangan Pusat Khidmat DUN Klawang. NSTP/ABNOR HAMIZAM ABD MANAP*

**JELEBU:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) mewujudkan tujuh lokasi program MyRakyat di negeri ini, tahun ini.

Ia membabitkan lokasi di Tapak Pasar Tani Tampin, Medan Gerai Buah-Buahan Segar (GBBS) Port Dickson, Flat Uda Ampangan, Seremban; Dewan Orang Ramai Chengkau, Rembau; Pasar Tani Kekal Jempol dan Desa Permai Juasseh, Kuala Pilah.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Bakri Sawir, berkata MyRakyat Pekarangan Pusat Khidmat Dewan Undangan Negeri (DUN) Klawang adalah lokasi ketujuh diwujudkan FAMA.

Katanya, seramai 287 usahawan bimbangan FAMA terbabit dalam program MyRakyat dengan pelbagai jualan seperti ayam, daging, ikan, sayur, telur, produk makanan dan barangan kering.

"MyRakyat di Medan GBBS Port Dickson paling kerap diadakan setakat ini iaitu sebanyak tujuh kali membabitkan penyertaan 137 usahawan.

"Bagi enam lokasi MyRakyat, sebanyak RM124,163.59 hasil jualan diraih usahawan sehingga 31 Oktober lalu," katanya ditemui selepas melancarkan Program My Rakyat @ Perkarangan Pusat Khidmat DUN Klawang di sini, hari ini.

Hadir sama Pengawai Daerah Jelevu, Abdul Rahim A Aziz dan Timbalan Pengarah (Pembangunan dan Khidmat Pengurusan) FAMA Negeri Sembilan, Adriana Aziz.

Bakri yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Klawang berkata, menerusi MyRakyat pengguna memperoleh barang keperluan dan produk segar secara terus daripada pengeluar tanpa melalui orang tengah.

Sementara itu, program pertama kali diadakan di pekarangan Pusat Khidmat DUN Klawang disertai 16 usahawan dengan hasil jualan berjumlah RM20,419.

Sebanyak 500 kilogram ayam dengan harga lebih murah iaitu RM7 sekilogram habis dijual kepada orang ramai.

Turut mendapat sambutan daging lembu apabila dijual pada harga RM33 sekilogram berbanding harga asal RM38.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	RTM 1	BERITA WILAYAH	

## “HOUSE OF HONEY” FAMA KEDAH WUJUDKAN PUSAT SEHENTI





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	RTM 1	BERITA NASIONAL	

## JUALAN MYRAKYAT FAMA KUTIP RM124,163 SETAKAT 31 OKTOBER





TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	BERNAMA NEWS	ONLINE	

## SAYURAN FERTIGASI, HIDROPONIK TAMPUNG PERMINTAAN PADA MUSIM TENGGUJUH



Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail (Gambar fail)

KOTA BHARU, 5 Nov -- Bekalan sayuran di Kelantan dijangka tidak terjejas dalam tempoh musim tengkujuh berikutan terdapat petani mengusahakan sayuran secara fertigasi dan hidroponik selain penanaman kaedah konvensional.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata jaminan itu diberikan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

"Kita tidak bimbang (bekalan terjejas) kerana persiapan sudah dibuat seperti bekalan sayuran yang diusahakan menerusi kaedah fertigasi," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program My Best Buy (MBB) anjuran FAMA di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah FAMA Kelantan Wan Nora Wan Ahmad.

Sementara itu, Wan Nora berkata pihaknya menyasarkan 4,000 hingga 6,000 pengunjung sehari menerusi pelancaran semula program MBB itu yang bermula semalam hingga Ahad ini.

"Selain penduduk tempatan, program ini turut memberi fokus kepada anak Kelantan di perantauan yang pulang ke kampung untuk datang membeli-belah produk dijual peserta yang terdiri daripada pengeluar produk industri asas tani tempatan," katanya.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

### KELANTAN BELANJA RM1.3 JUTA BANTU PETANI, PENTERNAK, NELAYAN



*Tuan Mohd Saripudin (kiri) menunjukkan demonstrasi memasak sempena merasmikan pembukaan semula My Best Buy di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong pada Jumaat.*

**KOTA BHARU** - Sebanyak RM1.3 juta diperuntukan oleh kerajaan negeri bagi membantu golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan dengan Covid-19 menerusi sumbangan sekali untuk tahun 2021.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, sumbangan ini bagi memastikan golongan berkenaan dapat 'bernafas' dalam meneruskan aktiviti yang diceburi mereka supaya dapur mereka terus berasap.

"Setiap mereka yang terjejas ini menerima sumbangan berjumlah RM200 daripada kerajaan," katanya kepada pemberita selepas merasmikan pembukaan semula My Best Buy di Pusat Tranformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, di sini pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Menurutnya, kerajaan sentiasa fokus membantu petani, nelayan, penternak dan nelayan yang terjejas kerana mereka adalah 'wira' dalam memastikan bekalan makanan terus mencukupi.

Beliau berkata, sumbangan yang dihulurkan oleh golongan ini amat besar ertinya buat seluruh masyarakat.

Mengulas mengenai My Best Buy, Tuan Mohd Saripudin berkata, program itu merupakan usaha membantu para peniaga dan pengeluar memasarkan produk keluaran mereka selepas terjejas akibat pandemik Covid-19.

"Alhamdulillah, seramai 50 peniaga dan pengeluar produk makanan telah menyertai program selama empat hari yang bermula pada Khamis," katanya.

Menurutnya, program ini mendapat kerjasama kukuh daripada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Beliau berkata, kerajaan menyasarkan lebih 20,000 pengunjung yang terdiri daripada penduduk tempatan termasuk perantau membanjiri program tersebut.

Katanya, dengan cara ini ia secara langsung dapat memulihkan semula rantaian ekonomi negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## KELANTAN JAMIN SUMBER MAKANAN UNTUK MUSIM TENGGUJUH CUKUP



*Tuan Saripudin (kanan) mengagihkan bubur jagung percuma kepada orang ramai sempena pelancaran My Best Buy di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong pada Jumaat.*

**KOTA BHARU** - Kerajaan Kelantan memberi jaminan sumber makanan untuk rakyat negerinya mencukupi sepanjang menghadapi musim tengkujuh.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar Kelantan, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, persiapan menghadapi musim tengkujuh sudah digerakkan bagi memastikan sumber makanan berada dalam keadaan sedia untuk memenuhi permintaan ke kawasan terjejas.

"Penduduk tidak perlu bimbang kerana kerajaan akan memastikan sumber makanan di negeri ini cukup dan jangan sesekali membuat pembelian secara panik," katanya kepada pemberita di majlis pelancaran My Best Buy di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Tunjong, pada Jumaat.

Hadir sama, Pengarah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Kelantan, Wan Nora Wan Ahmad.

Menurutnya, sistem jadual penanaman yang betul dan penggunaan teknologi pertanian moden seperti fertigasi gantung turut membantu dalam membekalkan sumber makanan di Kelantan.

Beliau berkata, fertigasi gantung itu membolehkan hasil terus dituai walaupun kawasan tanaman sudah ditenggelami air.

Tuan Saripudin berkata, kerajaan amat menggalakkan penggunaan teknologi dalam pertanian terus dikomersialkan pada masa akan datang.

"Hal ini bagi memastikan sumber rantaian makanan tidak putus dan cukup," katanya.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MADA YAKIN STRATEGI DAN 2.0



*Ahmad Tarmizi (dua dari kiri) turun padang bagi memantau program kawalan perosak dan penyakit padi di Kawasan Muda.*

### **Beri impak positif kepada industri padi di kawasan Muda**

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bersama 57,635 peladang di Kawasan Muda menzahirkan sokongan kepada Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) yang telah dilancarkan oleh Perdana Menteri pada 25 Oktober lalu.

Pelancaran DAN 2.0 (2021-2030) menjadi momen bersejarah kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) apabila perancangan holistik agromakanan negara bagi tempoh 10 tahun akan datang telah dibangunkan.

Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Ahmad Tarmizi Sulaiman menyifatkan tumpuan DAN 2.0 kepada empat subsektor utama iaitu padi dan beras, buah-buahan dan sayuran, ternakan serta perikanan membuktikan penggubalan DAN 2.0 mampu menjamin rantai bekalan makanan tidak terganggu.

MADA yang menguruskan 100,685 hektar kawasan penanaman padi di negeri Kedah dan Perlis yang menyumbang 40% pengeluaran tahunan padi negara berpandangan agenda memperkasakan makanan ruji rakyat Malaysia ini diangkat dan dirancang secara mampan.

“MADA komited untuk memajukan industri padi negara selari dengan motto n MADA - nadi jelang padi negara,” tegasnya.



Pelancaran DAN 2.0 menekankan objektif kesejahteraan sosial rakyat yang majoritinya kumpulan B40 melalui peningkatan tahap sara diri (SSL) beras daripada 63% pada tahun 2019 kepada 75% pada tahun 2025 dan 80% pada tahun 2030.

Pendekatan penanaman padi smart sawah berskala besar (Smart SBB) yang diperkenalkan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan pesawah dilihat mampu mendokong usaha peningkatan SSL.

“MADA mensasarkan sejumlah 10,000 hektar sawah padi akan menyertai program ini menjelang tahun 2025.

“Program yang menekankan kaedah pengurusan secara berpusat dan juga pertanian kontrak ini dijangka dapat meningkatkan hasil padi daripada 5.89 tan sehektar kepada 6.5 tan,” katanya.



*Ahmad Tarmizi (kiri) bersama Pengerusi PPK MADA Kepala Batas, Md Tarmizi Ramli (tengah) mengadakan libat urus bersama peladang MADA di kawasan bagi mendapatkan maklum balas isu semasa.*

Beliau berpendapat, peningkatan SSL seiring dengan penurunan nilai import beras dan juga pertumbuhan KDNK sektor pertanian bagi tempoh tersebut.

“Industri ini perlu memanfaatkan strategi yang dibentuk seperti pengurusan penggunaan sumber yang lebih baik, aplikasi pertanian pintar, penggalakkan penyertaan golongan muda, penglibatan lebih ramai sektor swasta di dalam industri dan sebagainya.

“Selain tumpuan kepada sektor padi, MADA turut menyokong pembangunan sub sektor lain seperti ternakan, akuakultur, tanaman dan juga keusahawanan yang berasaskan pertanian dan industri makanan. Sektor ini menjadi sektor kedua penting kepada masyarakat di dalam Kawasan Muda.

“Pada ketika ini sub sektor sokongan yang terdiri daripada 2,402 orang usahawan dan agroprenuer muda menyumbang sebanyak RM180 juta nilai jualan kepada ekonomi negara,” jelasnya.

## **Perubahan**

Menjelang tahun 2025, disasarkan sejumlah 2,800 orang usahawan dan agroprenuer muda dibangunkan dengan anggaran nilai jualan bagi keseluruhan sektor berjumlah RM1 bilion bagi tempoh lima tahun.

Mereka akan terus dibimbing melalui pelaksanaan inisiatif dan geran yang bersesuaian bagi mengukuhkan keupayaan perniagaan.

Penekanan kepada inisiatif e-dagang, kualiti produk dan pembungkusan serta pengeluaran tanaman kontan akan memberi tambahan pendapatan kepada peladang-peladang MADA.

Beliau tidak menolak kejayaan pelaksanaan sesebuah dasar amat bergantung kepada kumpulan penggerak atau pelaksana yang merupakan sebahagian daripada enablers.

“Dalam konteks ini, pesawah yang bernaung di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan MADA (PPK) memainkan peranan penting.

“Keupayaan khidmat sokongan dan teknikal meliputi penyaluran input pertanian, perniagaan PPK serta ejen di lapangan akan ditingkatkan selaras dengan perkembangan revolusi industri 4.0,” tegasnya.



*TARMIZI*

Sejajar dengan agenda pembangunan nasional seperti Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB), Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia, pelbagai elemen diaplikasikan dalam pembentukan program-program MADA, antaranya:

- Penggunaan Geographic Information System (GIS) sebagai pangkalan data, alat pemantau dan menganalisis prestasi tanaman padi.
- Penggunaan drone pertanian bagi aktiviti menyembur racun serta menabur benih.
- Penggunaan jentera dengan kaedah internet of things (IoT) diperhebatkan.
- Mengoptimumkan pelaksanaan program dalam RMKe-12) untuk tempoh 2021-2025.

MADA menerima peruntukan berjumlah RM727.7 juta bagi pelaksanaan 10 projek baharu dan sambungan meliputi sektor tanaman padi, industri makanan, pembangunan infrastruktur, tadbir urus dan juga big data.

Ahmad Tarmizi turut menyifatkan DAN 2.0 menjadi titik tolak kepada perubahan landskap ekonomi pertanian khususnya di Kawasan Muda bagi tempoh satu dekad mendatang.

Katanya, pendapatan peladang di kawasan Muda dijangka dapat ditingkatkan kepada julat antara RM2,500 sehingga RM5,000 sebulan berbanding sebelumnya iaitu RM2,000 sebulan.

“Pembentukan DAN ini diharap dapat memacu sebuah perubahan yang signifikan. MADA yang kini memasuki usia jubli emas bersama kepimpinan YB Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee akan terus bekerja bersama rakyat melalui penerapan budaya teknologi, efisien dan unggul bagi meningkatkan tahap sosioekonomi penduduk desa sekali gus melengkapkan keperluan negara,” katanya.

### **Sokongan**

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan MADA, Ishak Taib berkata, peningkatan tahap sara diri bagi komoditi beras dari 63% pada tahun 2019 kepada 80% menjelang 2030, membuktikan industri padi dan beras amat penting dalam menjamin sekuriti makanan negara sekali gus membantu meningkatkan pendapatan peladang-peladang MADA.



*ISHAK*

“Isu-isu dan cabaran dilihat secara mendalam menerusi penggubalan DAN 2.0 dan penambahbaikan dilakukan bagi pengurusan tanah dan air dalam usaha meningkatkan hasil peladang.

“Potensi varieti beras istimewa tempatan dilihat dapat membantu peladang membuat pilihan yang lebih berkualiti dan berhasil tinggi,” katanya.

Beliau turut menyokong penstrukturan semula bantuan kewangan sedia ada dengan memperhalusi bantuan input dan output bagi mengurangkan kos operasi pesawah.

Katanya, secara tidak langsung ia dapat meningkatkan purata pendapatan bersih sawah dari RM2,000 sebulan kepada RM2,500 hingga RM5,000 sebulan menjelang 2025.

Beliau turut berharap penglibatan pihak swasta membantu meningkatkan purata hasil padi dari 5.89 tan/hektar kepada 6.50 tan/hektar bagi Kawasan Muda.

“Penggunaan teknologi moden seperti penggunaan drone dilihat dapat mengatasi isu kekurangan tenaga buruh di peringkat lading.

“Ia juga menarik minat golongan muda menceburi bidang pertanian. MADA perlukan pelapis dalam industri ini,” katanya yang menyokong penuh strategi DAN 2.0 bagi membela nasib peladang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	ASTRO AWANI.COM	ONLINE	

## MAKMUR AGRO BAKAL LANCAR KOTA TANI DI SELURUH NEGARA



Kota Tani merupakan sebuah pusat sehenti yang mampu memberikan kemudahan kepada orang ramai. - Foto DagangNews

**KUALA LUMPUR:** Aras Niaga Makmur Agro Berhad (MakmurAgro) menerusi anak syarikatnya, Makmur Biotechnology Sdn. Bhd., bakal melancarkan Program Pembangunan Tapak Semaian Kebangsaan Satu Parlimen Satu Nurseri (1P1N) di seluruh negara pada akhir tahun ini.

Rangkaian nurseri yang diuruskan secara bersepadu di bawah jenama Kota Tani tersebut akan memudahkan rakyat Malaysia khususnya golongan petani untuk mendapatkan bekalan bahan tanaman terbaik pada masa yang dikehendaki.

Kota Tani juga akan memasarkan semua produk melalui platform digital dan secara dalam talian. Ketua Pegawai Eksekutif MakmurAgro, Dato Mohd Al Khafiz Zainal berkata, Kota Tani merupakan sebuah pusat sehenti yang mampu memberikan kemudahan kepada orang ramai.

Menurutnya, meskipun kesemua nurseri di 222 buah Parlimen ini berfungsi sebagai pusat jualan, sebahagian daripada nurseri tersebut turut berperanan sebagai pusat pengedaran atau pusat semaian.

Kota Tani kata beliau, akan membekalkan bahan tanaman terbaik dan bermutu tinggi terutamanya yang lahir daripada penyelidikan pihak MARDI dan semua agensi berkaitan pembangunan pertanian kebangsaan.

Bahan tanaman dan benih ini merupakan bahan tanaman yang telah mendapat pengesahan oleh Skim Pengesahan Bahan Tanaman (SPBT) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

“Pusat semaian berpusat akan diwujudkan di Rembau, Negeri Sembilan di mana bahan-bahan tanaman utama akan dihasilkan. Anak benih ini akan dihantar ke pusat-pusat pengedaran yang diwujudkan di setiap negeri.

“Pusat pengedaran pula berfungsi untuk menerima dan menyimpan stok produk yang diperolehi daripada pembekal. Produk daripada pusat pengedaran akan dihantar ke pusat jualan mengikut keperluan.

“Kewujudan pusat pengedaran ini mampu menjimatkan kos logistik dan membolehkan produk dihantar kepada pelanggan dengan segera,” katanya di Seremban, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Mohd. Al Khafiz berkata, kedai Kota Tani pula akan menjadi medium interaksi utama bersama pelanggan di mana aktiviti jual beli berlaku.

1P1N dilaksanakan bersama rakan strategik seperti Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Agrobank Malaysia Berhad, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP).

Produk daripada rangkaian nurseri 1P1N turut disasarkan untuk kegunaan di Ladang MakmurAgro yang kini dianggarkan lebih 2,000 ekar (816 hektar), Ladang Integrasi Tanaman Rakyat (LITAR), nurseri runcit dan orang awam.

“Banyak produk yang berpotensi untuk dijual dalam rangkaian nurseri 1P1N. Pada peringkat permulaan Kota Tani akan menjual anak pokok untuk tanaman kontan seperti pokok pisang, betik dan kunyit hitam selain tanaman industri (kelapa sawit dan getah), ujar beliau.

Tanaman hiasan seperti anak pokok bunga orkid, palma, heliconia, celosia dan zinnia juga mendapat permintaan yang tinggi ketika ini. Penjualan input tani akan menghasilkan pendapatan yang berulang kerana ia sentiasa diperlukan oleh petani dan pekebun.

“Antara input tani yang boleh dijual adalah baja, tanah campuran, bahan kawalan perosak dan rumpai, alatan kecil pertanian, pasu serta polibeg,” katanya.

Pada masa sama kata Mohd. Al Khafiz, MakmurAgro juga bakal menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM) dan beberapa institusi lain sebagai rakan strategik komersial.

Kerjasama bersama UCAM merangkumi penempatan latihan praktikal dan kerjaya graduan, latihan profesional jangka pendek di dalam bidang-bidang yang ditentukan serta bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D) antara kerjasama yang bakal dijalin kedua-dua pihak.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/11/2021	UTUSAN.COM	ONLINE	

## JERAM PERAHU 'SYURGA' BURU KELAH



*MUZAFFAR SYAM Mohamad bersama ikan kelah yang dipancing bersama rakannya di Jeram Perahu Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang. - UTUSAN/SALEHUDIN MAT RASAD*

**JERANTUT:** Jeram Perahu Ulu Tembeling di sini, kembali menjadi tumpuan pemancing tegar bagi memburu raja ikan sungai iaitu kelah dan tengas sejak sempadan negeri dibuka 11 Oktober lalu.

Pandemik Covid-19 sejak dua tahun lalu yang mengehadkan aktiviti seperti memancing dan berburu memberi peluang kepada haiwan membiak dan membesar dengan baik.

Seorang pemancing, Muzaffar Syam Mohamad, 48, berkata, dia bersama enam rakannya dari Jengka dekat sini, sanggup meredah Sungai Tembeling untuk mendapatkan ikan eksotik yang menjadi kegemaran peminat ikan air tawar.

Bercakap kepada Utusan Malaysia, Muzaffar Syam berkata, untuk sampai ke Jeram Perahu, ia mengambil masa sehingga tiga jam setengah bergantung keadaan air sungai ketika itu.

"Lokasi memancing tumpuan adalah kawasan dipanggil kepala Jeram yang mengambil masa antara 45 minit hingga satu jam untuk sampai dengan laluan sungai berbatu dan kawasan hutan.

"Di lokasi kepala Jeram ini kami dapat memancing pelbagai jenis ikan eksotik bernilai tinggi seperti kelah merah, tengas, baung kenerak dan lampam selain udang," katanya di sini semalam.





*SEORANG pemancing menunjukkan ikan kelah yang ditangkap di Jeram Perahu, Ulu Tembeling, Jerantut, Pahang.*

Muzaffar Syam berkata, kehadiran mereka ke Jeram Perahu berbaloi kerana di situ masih terdapat banyak ikan yang sempat membesar dan membiak dengan sempurna dalam tempoh dua tahun pandemik Covid-19.

“Sambil dapat melihat fenomena alam semula jadi terutama ketika senja dan suasana sepi malam, kami dapat menikmati ikan eksotik sepuas-puasnya.

“Sebagai contoh harga ikan kelah menjangkau lebih RM200 sekilogram, begitu juga ikan tengas yang dianggap maharani hidupan ikan sungai yang habitatnya di celah batuan,” katanya.

Sementara itu, tekong bot, Zakaria Serahan dan rakannya Nordin Ahmad mahu Jabatan Perikanan negeri turun padang memantau mana-mana pihak yang menggunakan racun atau peralatan tidak dibenarkan menangkap ikan di situ. – UTUSAN ONLINE